5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019 || eISBN 978-967-2122-82-1)
5th & 6th November 2019 || Tenera Hotel, Bangi, Selangor, Malaysia
Organized by Faculty of Islamic Civilisation Studeis. International Islamic University College, Selangor, Malaysia

[1013] KLASIFIKASI DAN SYARAT TAFSIR MAWDU'I

Sahlawati Abu Bakar[1], Haziyah Hussin[2], & Wan Nasyrudin Wan Abdullah [2]

[1] Faculty of Islamic Civilization Studies, International Islamic University College Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia & PhD. candidate in Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

[2] Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia. Email: haziyah@ukm.edu.my

Corresponding Author: Sahlawati Abu Bakar. Department of Al-Quran and al-Sunnah, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0196015308. Email: sahlawati@kuis.edu.my

ABSTRAK

Karya-karya tafsir mawdu'i ditulis oleh penulis-penulis tafsir bagi memenuhi keperluan mayarakat secara amnya. Penulisan karya tafsir mawdu'i merupakan satu usaha yang baik bagi membantu menyelesaikan permasalahan masyarakat dengan merujuk kepada al-Quran. Namun penulis-penulis tafsir mestilah mengetahui klasifikasi dan syarat-syarat tafsir mawdu'i supaya penulisan karya menjadi lebih bermutu dan ilmiah. Kajian ini bertujuan untuk mengemukakan klasifikasi-klasifikasi tafsir mawdu'i serta syarat-syaratnya berdasarkan analisis pandangan ulama tafsir mawdu'i . Metode yang digunakan untuk mengkaji penulisan karya-karya tafsir maudui di Malaysia adalah kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan sebagai reka bentuk penyelidikan. Sorotan literatur dilakukan bagi mengumpulkan data. Hasil kajian mendapati sebahagian ulama membahagikan tafsir mawdu'i kepada dua klasifikasi i.e topik dan surah, dan sebahagian yang lain kepada tiga klasifikasi dengan menambah klasifikasi tafsir mawdu'i perkataan. Kajian juga mendapati syarat-syarat tafsir mawdu'i lebih tertumpu kepada isu yang hendak dibincangkan, penamaan tema, proses pengumpulan ayat dan kaedah pentasfiran ayat.

Kata kunci: *Tafsir maudui; klasifikasi; syarat; topik; surah*

1. Pendahuluan

Tafsir mawdu'i merupakan salah satu daripada jenis tafsir yang lain seperti tafsir muqarin, tafsir fuqaha', dan tafsir ijtima'i. Berbeza dengan tafsir-tafsir yang lain, tafsir mawdu'i mempunyai klasifikasi yang tertentu serta syarat-syarat yang khusus. Walaupun secara zahirnya para ulama berbeza pendapat mengenai klasifikasi tafsir mawdu'i namun perbezaan ini ialah dari aspek sama ada lafaz, tema atau surah yang dipilih.

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis pendapat para ulama tafsir mawdu'i mengenai klasifikasi atau pembahagian tafsir mawdui serta syarat-syarat yang perlu ada sekiranya hendak mentafsirkan al-Quran secara mawdu'i.

2. Klasifikasi Tafsir Mawdu'i

Secara umumnya tafsir mawdu'i ialah metode tafsir yang digunakan oleh pengkaji untuk memilih satu lafaz daripada perkataan-perkataan al-Quran dan kemudian mengumpulkan ayat-ayat yang mempunyai lafaz dipilih. Pengumpulan ayat juga merangkumi lafaz

musytaqqah dan berdasarkan tafsiran ayat-ayat yang dikumpulkan pengkaji cuba mengistibatkan petunjuk ayat daripada penggunaannya di dalam al-Quran (Abbas Audullah 2007) Walau bagaimanapun para ulama mempunyai pandangan yang tersendiri bagi penentuan klasifikasi tafsir mawdu'i.

Para ulama tafsir mawdu'i mengklasifikasikan tafsir maudui kepada klasifikasi yang berbeza berdasarkan kefahaman dan penelitian mereka terhadap tafsir mawdu'I (Abdullah Azis 2017). Abd al-Sattar (1991) membahagikan tafsir mawdu'i berdasarkan kesatuan pada aspek pengumpulan ayat atau kesatuan pada tujuan dan makna. Maka berdasarkan Abd al-Sattar (1991) tafsir mawdu'i terbahagi kepada tafsir mawdu'i al-'am dan tafsir mawdu'i al-khas.

i. *Tafsir mawdu'i al-'Am* iaitu kesatuan pada aspek tujuan pengumpulan ayat namun tidak pada makna asal. Topik utama yang dibahaskan masih berpandukan al-Quran tetapi di dalamnya terkandung pelbagai isu. Contohnya hukum hakam al-Quran yang terkandung di dalamnya isu mengenai solat, hudud, riba, jihad dan sebagainya. Kitab tafsir mawdu'i yang termasuk dalam klasifikasi ini ialah seperti *Ahkam al-Quran* oleh al-Jassas, *Al-Tibyan fi aqsam al-Quran* oleh Ibn al-Qayyim dan *Nayl al-Maram min Tafsir ayat al-Ahkam* oleh Muhammad Siddiq Khan. Fahd al-Rumi (1998) juga menganggap tafsir ayat hukum sebahagian daripada tafsir mawdu'i.

Sebahagian ulama tafsir mawdu'i menamakan juga klasifikasi ini sebagai *al-wihdah al-mawdu'iyyah* pada al-Quran keseluruhannya atau pada satu surah. (al-Kummi 1982; al-Farmawy 1983). Para mufassir menetapkan satu tujuan khusus bagi surah kemudian ayat-ayat lain yang diturunkan dalam surah itu adalah untuk mengukuhkan tujuan khusus itu. Walaubagaimanapun, Abd al-Sattar tidak bersetuju dan berpandangan bahawa *al-wihdah al-mawdu'iyyah* bukanlah klasifikasi tafsir mawdu'i kerana tujuan atau matlamat surah bagi berbilang ayat adalah perkara ijtihad. Maka kesemua yang dibahaskan ini adalah hanya termasuk dalam jenis tafsir mawdu'i *al-'Am*.

ii. *Tafsir mawdu'i al-Khas* iaitu kesatuan pada tujuan dan makna pada bahagiannya serta mempunyai kaitan yang khsusus di antara sesama topik. Contohnya topik "*Al-Yahud fi al-Quran*" yang terbatas kepada isu-isu al-Yahud dan ayat-ayat yang berkaitan dengannya. Kitab tafsir mawdu'i lain yang termasuk dalam jenis ini ialah seperti *Al-Sabr fi al-Quran* oleh Yusuf al-Qardhawi dan *al-Yahud fi al-Quran* oleh Muhammad Izzah Darwazah.

Abd al-Sattar (1991) juga membahagikan tafsir mawdu'i berdasarkan *manhaj* dan ianya terbahagi kepada tiga:

1. *Tafsir mawdu'i al-Wajiz*: Para mufassir memilih ayat-ayat untuk tafsir mawdu'i yang hendak ditulis dengan berijtihad dan menetapkan anasir maudu'.

2. *Tafsir mawdu'i al-Wasit*: Para mufassir memilih satu topik yang dibahaskan melalui satu surah atau surah-surah atau keseluruhan al-Quran seperti contoh '*Al-Aqidah fi Surah al-Syura*". Bagi jenis ini para mufassir memilih keseluruhan ayat-ayat al-Quran berkait topik kemudian membahaskannya secara minimum.

3. *Tafsir mawdu'i al-Basit*: Para mufassir melakukan analisis, penelitian dan pemahaman yang lengkap bagi sesuatu tajuk dan mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan secara

terperinci. Jenis ini mempunyai dua keadaaan iaitu pertama topik yang terbatas pada ayat-ayat tertentu dan mudah untuk dikumpulkan. Seperti topik "al-Jin fi al-Quran", Qisah Ismail fi al-Quran dan sebagainya. Kedua topik yang akan dibahaskan dalam penulisan yang terbatas seperti tesis ilmiah. Pengkaji hendaklah berupaya membahaskan topik yang tunggal dalam tesis yang besar.

Jenis yang kedua menurut Abd al-Sattar (1991) yang paling sukar kerana pengkaji hendaklah bijak menyeimbangkan di antara jenis pertama dan ketiga. Kemudian pengkaji perlu meneliti dengan mendalam ayat-ayat yang dikumpulkan sehingga tidak tercicir daripada perbahasan anasir maudu'.

Al-Ghazali (dalam Nadhiroh 2014) membahagikan tafsir mawdu'i kepada dua jenis. Jenis yang pertama ialah tafsir mawdu'i umum. Penafsiran jenis ini ialah dengan cara menghimpunkan sejumlah ayat daripada pelbagai surah yang membincangkan isu yang sama. Ianya banyak ditulis oleh ahli tafsir kontemporari seperti Abu A'la Al-Mawdudi yang menulis kitab *Al-Riba' Fi Al-Quran*. Jenis yang kedua ialah tafsir mawdu'i bagi surah yang menekankan terhadap perbahasan satu surah secara menyeluruh dengan menjelaskan maksudnya secara umum. Ia juga mengaitkan permasalahan dan isu bagi menghasilkan perbahasan yang kukuh.

Muhammad Ramadhan (tt) menambah satu jenis lagi tafsir mawdu'i iaitu *Tafsir mawdu'i al-Mutawwal*. Tafsir mawdu'i ini dibina atas asas penelitian juzuk-juzuk tema dan menganalisis secara mendalam. Pengkaji mengumpulkan ayat secara menyeluruh dengan ciri-ciri dan syarat-syarat yang khusus. Jenis ini menurut Ramadhan adalah seperti penulisan disertasi atau tesis di peringkat universiti dan yang paling sukar kerana faktor kedalaman kajian.



Rajah 1: Klasifikasi Tafsir Mawdu'i

Berdasarkan rajah 1, ulama tafsir mawdu'i mempunyai perbezaan pandangan mengenai pembahagian tafsir mawdu'i. Mereka terbahagi kepada dua kelompok (Mohd Shukri 2011) iaitu pertama yang membahagikan tafsir mawdu'i kepada dua klasifikasi seperti al-Farmawi (1983), al-Ghazali (1996) al-Daghamin (1995) dan kedua yang membahagikan tafsir mawdu'i kepada tiga klasifikasi seperti Mustafa Muslim(2007) dan al-Khalidi (2008). Mereka yang membahagikan tafsir mawdu'i kepada dua klasifikasi berpandangan bahawa tafsir mawdu'i bagi lafaz bukanlah tafsir mawdu'i secara mutlak bahkan sebahagian daripada tafsir mawdu'i bagi topik (Al-Sattar). Namun demikian mereka yang membahagikan tafsir mawdu'i kepada tiga berpendapat tafsir mawdu'i bagi lafaz ialah salah satu klasifikasi tafsir mawdu'i dan tidak sama dengan tafsir mawdu'i bagi topik (Muslim 2007 ; al-Khalidi 2008).

Al-Farmawi (1983) membahagikan tafsir mawdu'i kepada dua iaitu tafsir mawdu'i bagi tema dan surah. Menurut al-Farmawi, tafsir mawdu'i bagi surah dilakukan dengan mengaitkan di antara bahagian-bahagian surah sehingga menampakkan kesatuan surah yang sempurna secara menyeluruh dengan menyatakan matlamat utama surah. Al-Khalidi (2008) menambah satu lagi klasifikasi tafsir mawdu'i iaitu tafsir mawdu'i bagi lafaz. Tafsir jenis ini dilakukan dengan mengambil satu kalimah yang terdapat dalam al-Quran dan mengumpulkan ayat-ayat yang mengandungi lafaz itu dan musytaqnya. Kemudian ayat-ayat itu ditafsirkan

dan dikeluarkan dilalah berdasarkan penggunaannya di dalam al-Quran. Ayat-ayat ini juga dikaitkan di antara satu dengan yang lain supaya jelas tema yang dikaji.

Al-Khalidi (2008) menjelaskan bagi tafsir mawdu'i topik, topik atau tema ditetapkan berdasarkan al-Quran dan seterusnya mengeluarkan ayat-ayat al-Quran yang menepati topik. Kemudian ayat-ayat tersebut ditafsirkan dan dikeluarkan pengajaran daripada topik-topik. Seterusnya pengkaji membahagikan topik kepada bab dan sub topik dengan bersandarkan kepada dalil ayat-ayat al-Quran dan mengaitkanya dengan realiti kehidupan manusia serta isu-isu semasa. Semasa membuat kajian maudui mengenai topik, pengkaji hendaklah tidak memasukkan perkara yang tidak berlaitan dengan topik ketika pentafsiran ayat seperti qiraat, bentuk-bentuk i'rab dan sebagainya.

Jenis tafsir mawdu'i ini menumpukan kepada topik-topik al-Quran secara umum. Pengkaji memilih satu topik atau tema, meneliti ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dan mengeluarkan daripadanya pelbagai pengajaran. Tema atau isu yang dipilih oleh pengkaji mempunyai kaitan dengan realiti kehidupan dan menyelesaikan permasalahan serta memenuhi keperluan manusia.

Syeikh Salah al-Khalidi (2008) memberikan perbezaan di antara tafsir mawdu'i lafaz dan topik. Pengkaji bagi tafsir mawdu'i lafaz memilih satu perkataan yang terdapat dalam al-Quran dan kekal membahaskan perkataan itu pada semua aspek seperti menghuraikan makna perkataan dalam mu'jam bahasa, perbezaan penggunaan perkataan dalam pelbagai konteks ayat al-Quran dan petunjuk ayat serta kaitannya dengan isu semasa. Tafsir mawdu'i lafaz lebih tertumpu kepada istilah-istilah tertentu yang mempunyai persamaan dalam al-Quran, manakala tafsir mawdu'i sesuatu tema lebih tertumpu kepada ayat-ayat al-Quran yang mempunyai persamaan dari segi makna sahaja walaupun perkataan berbeza. (Al-Khalidi 2008; Mohd Shukri 2011).

Bagi tafsir mawdu'i topik pula, skop perbahasannya lebih umum dan luas daripada tafsir mawdu'i kalimah. Ini kerana tafsir mawdu'i topik boleh mengambil ayat-ayat yang membincangkan topik atau isu yang dikaji dengan mengumpulkan ayat-ayat yang mempunyai lafaz yang hampir dengan atau atau lafaz yang ada kaitan dengan topik. Kesimpulan serta kaitannya dengan isu semasa juga boleh dibahaskan dengan lebih panjang dan menyeluruh.

Menurut Mustaffa Muslim (2007) tafsir mawdu'i surah perbahasannya lebih sempit berbanding tafsir mawdu'i topik kerana perbahasan tafsir mawdu'i surah terbatas kepada satu surah sahaja manakala tafsir mawdu'i topik boleh merangkumi keseluruhan surah-surah dalam al-Quran. Bagi jenis ini pengkaji hendaklah memahami matlamat atau tujuan utama surah, menjelaskan sebab nuzul surah atau ayat-ayat yang membahaskan topik utama dalam surah, memerhatikan tertib nuzul surah dari surah Makkiyyah atau Madaniyyah dan akhirnya mempelajari asalib quraniyyah dalam mengemukakan topik-topik serta munasabat di antara maqati' ayat dalam surah. Surah yang dipilih hendaklah dianalisis secara bertema dan mendalam. Setiap surah mempunyai kesatuan tema dan personaliti yang satu maka setiap ayat mempunyai kaitan di antara satu dengan yang lain serta berturutan dalam perbincangan isu-isu.

Para ulama tafsir mawdu'i membuat rumusan bahawa daripada kesemua klasifikasi tafsir mawdu'i , tafsir mawdu'i yang berdasarkan kepada tema atau topik lebih banyak digunakan oleh mufassir kerana klasifikasi ini lebih hampir kepada tafsir mawdu'i itu sendiri serta mempunyai skop perbahasan yang lebih luas. (Muslim 2007; al-Khalidi 2008, al-Daghamin 1995). Berbanding dengan dua lagi klasifikasi tafsir mawdu'i iaitu lafaz dan surah,

mufassir terikat dengan satu lafaz atau surah dan skop perbahasan tertumpu kepada lafaz atau surah yang dipilih sahaja. Walaupun terdapat perbezaan pada pembahagian klasifikasi tafsir mawdu'i, iaitu sama ada dua jenis atau tiga jenis ulama masih bersepakat kepada majotiti membahagikan kepada tiga. Tafsir mawdu'i bagi perkataan tidak dianggap sebagai jenis daripada tafsir mawdu'i oleh sebahagian ulama kerana ia adalah bahagian daripada tafsir mawdu'i topik. Namun ulama yang menyatakan tafsir mawdu'i perkataan adalah jenis daripada tafsir mawdu'i dan berbeza dengan topik kerana langkah pentafsirannya berbeza.

3. Syarat-Syarat Tafsir Mawdu'i

Metode mawdu'i ini dilakukan dengan cara pengumpulan ayat-ayat dalam satu tema dan dihuraikan dengan dalil-dalil yang jelas di dalam al-Quran. Melalui metode ini juga ahli tafsir yang membincangkan sesuatu tema tidak boleh keluar daripada tema tersebut sehingga beliau selesai membahaskan tema tersebut dengan mendalam(Al-Khalidi, 2008). Justeru itu ulama tafsir mawdu'i menetapkan beberapa syarat-syarat yang ditunjukkan seperti rajah berikut:



4.1 Pentafsiran Ayat

Para mufassir maudui hendaklah mentafsirkan ayat-ayat yang dikumpulkan dengan perbahasan yang sempurna sebelum membuat rumusan. Oleh kerana tafsir mawdu'i ialah proses pengumpulan ayat yang menganalisis ayat-ayat al-Quran bagi satu topik maka proses ini memerlukan penelitian dan pengamatan yang mendalam. Terdapat segelintir mufassir yang kurang menganalisis ayat dan kemudian mengeluarkan hukum secara umum atau menggunakan kaedah menyeluruh (*kulliyyah*). Penelitian hendaklah dilakukan secara mendalam, lengkap dan sempurna bagi semua lafaz al-Quran yang dikumpulkan untuk topik yang dipilih (Abd al-Sattar 1991). Al-Khalidi (2008) berpendapat mufassir mawdu'i hendaklah memahami secara komprehensif ayat-ayat al-Qur'an sesuai dengan tema yang dibahas.

Justeru melalui syarat ini para mufassir maudui hendaklah membaca ayat-ayat tersebut berulang-ulang kali, meneliti dan menganalisis lafaz demi lafaz serta mengkaji perbezaan maksud bersandarkan kepada apa yang difahami daripada tafsiran ulama lama dan semasa Abd Al-Sattar (1991) menyatakan sebahagian ulama telah melakukan pentafsiran mawdu'i secara umum suatu ketika dahulu dan hasilnya tafsiran yang dikemukakan tidak tepat dan ini perlulah dilakukan dengan lebih berhati-hati pada tafsir mawdu'i yang berbentuk lebih khusus.

Selain itu pengkaji hendaklah menggunakan manhaj yang betul dalam tafsir dengan mengelakkan tafsiran yang menggunakan riwayat yang lemah, israiliyyat dan kisah-kisah sejarah serta menyusun nas-nas al-Quran mengikut kaedah bahasa Arab yang jelas (Al-Daghamin 1995).

Para mufassir mawdu'i hendaklah menggunakan cara tafsir al-mathur yang sahih di dalam pentafsirannya sekaligus menjauhi riwayat-riwayat yang dhaif, israiliyyat dan fakta-fakta sejarah ketika membahaskan maudu' al-Quran. Ketika para mufassir membahaskan satu isu hendaklah mengutamakan penjelasan daripada al-Quran sendiri terlebih dahulu (Muslim 2007).

Perkara ini amatlah penting dalam tafsir mawdu'i secara khusus dan dalam tafsir lain secara umum. Pentafsiran hendaklah bersumberkan tafsiran yang sahih dan apa yang thabit daripada tafsir Nabi SAW dan para sahabat. Mufassir juga hendaklah membincangkan ayat-ayat al-Quran dengan apa yang thabit daripada kefahaman, makna, dilalat dan lafaz-lafaz pada zaman Nabi SAW dan khalifah (Junaidi 2016). Sebahagian kalimah tetap membawa maksud yang sama pada zaman Nabi SAW dan para sahabat meskipun zaman telah berlalu seperti kalimah syariah dan fiqh (Al-Farmawi 1983).Oleh itu para mufassir maudui haruslah menumpukan penjelasan isu seperti yang dihuraikan di dalam al-Quran tanpa memperpanjangkan huraian yang kurang berkaitan dengan al-Quran.

Oleh kerana tafsir mawdu'i tertumpu kepada perbahasan mengenai tema tertentu maka para mufassir maudui hendaklah mengelak daripada memberikan penjelasan dan komen yang berjela-jela sehingga terkeluar daripada topik al-Quran yang sedang dibahaskan. Inilah juga yang dikhuatiri berlaku dalam pentafsiran al-Quran secara umum sehingga dikatakan oleh orang yang membacanya bahawa semuanya ada dalam kitab itu kecuali tafsir. Penjelasan mengenai kalimah yang asing atau bentuk qiraat atau balaghah diletakkan di bahagian nota kaki kajian ketika membentangkan isu bagi topik yang dikaji. Ini adalah supaya penjelasan mengenai topik tidak diperpanjangkan pada perkara-perkara tersebut sehingga terkeluar daripada topik utama kajian (Muslim 2007).

Kadangkala terdapat juga kitab-kitab tafsir mawdu'i yang mengunakan kalimah *fi al-Quran* (menurut al-Quran) pada tajuknya namun kandungan tafsirannya kurang

memfokuskan kepada tafsiran secara mawdu'i. Mungkin ini yang dikategorikan oleh al-Sattar (1991) sebagai *tafsir mawdu'i al-'am*. Sebagai contoh kitab *al-Yahud fi al-Quran* oleh 'Afif Abd al-Fattah Tabbarah. Di dalam kitab ini terdapat bab-bab yang dihuraikan lebih daripada tajuk utama seperti pada bab kedua Kisah Ibrahim a.s., bab ketiga Kisah Yusuf a.s., bab keempat Kisah Musa a.s. dan bab kelima Pengajaran Kisah Menurut al-Quran. Hanya pada bab satu dibahaskan berkaitan topiknya iaitu al-Yahud pada pandangan al-Quran. Maka persoalannya bagaimana dengan perbahasan mawdu'i bagi tajuk asalnya? Serta mengapa diletakkan tajuk ini? Inilah juga yang dipersoalkan oleh ulama tasfir maudui seperti Abd al-Sattar (1991).

Syarat ini pada hakikatnya adalah untuk memelihara kepentingan dan konsep tafsir mawdu'i dan supaya para mufassir tafsir mawdu'i tidak menghuraikan perkara yang kurang berkait dengan konsep tafsir mawdu'i seperti bentuk qiraat, i'rab, isu-isu fiqh, perbahasan falsafah dan seumpamanya.

4.2 Pengumpulan Ayat

Para mufassir mawdu'i hendaklah mengaitkan ayat-ayat yang dipilih dalam tema yang sama (Shihab 2013). Ini bermaksud tafsiran ayat tidak boleh dilakukan secara berasingan dengan ayat yang lain. Menurut al-Farmawi (1993) pengkaji hendaklah meneliti tema yang telah ditentukan bukan selain itu. Jika tidak kajian mengenai tema itu tidak mungkin melihat keindahan korelasi ayat-ayat di dalam al-Quran serta tidak mencapai matlamat tafsir mawdu'i.

Penafsir mawdu'i hendaklah menerapkan konsep dan langkah-langkah metode mawdu'i dalam pentafsiran dengan konsisten supaya isu yang dikaji menepati maksud al-Quran (Al-Farmawi 1983). Jika tidak kesatuan sebuah tema al-Quran yang mampan tidak mungkin ditemui.

4.3 Penamaan Tema

Para mufassir mawdu'i hendaklah menamakan tema sesuai dengan tema utama yang dipilih. Ini adalah supaya tema-tema yang dibina mempunyai kaitan dengan tema utama secara langsung. Para mufassir maudui hendaklah mengikut syarat-syarat kajian ilmiah dalam penulisan. Para ulama maudui menyatakan syarat ini dalam kitab-kitab mereka. Antaranya seperti Mustafa Muslim (2007) yang meletakkan syarat ini bagi semua pengkaji tafsir untuk menyusun penulisan mengikut kaedah penulisan yang betul seperti membuat pendahuluan bagi setiap bab, memberikan tajuk bagi setiap bab dan seterusnya membahagikan bab kepada sub-sub topik yang bertepatan dengan kajian. Penting juga bagi sesebuah kajian untuk mempunyai penutup dan kesimpulan bagi keseluruhan hasil perbahasan kajian.

Syarat ini walaupun dinyatakan oleh ulama tafsir mawdu'i namun ianya juga perlu dilakukan terhadap mana-mana kajian ilmiah yang lain. Para ulama maudui meletakkan syarat ini dalam kajian mawdu'i sebagai penegasan kepada kajian terhadap tafsir al-Quran supaya kajian yang dilakukan berupaya mendapatkan hasil yang baik.

4.4 Isu Yang Dibincangkan

Para mufassir maudui hendaklah memfokuskan kepada isu yang dikeluarkan daripada penelitian ayat-ayat al-Quran tanpa mendatangkan unsur-unsur daripada sumber selain al-Quran seperti hadis, lughah dan sebagainya. Hadis berperanan sebagai menerangkan dan menjelaskan dalam pentafsiran dan bukan sebagai tempat mengeluarkan isu mawdu'i yang lain. Begitu juga peranan kata-kata sahabat, tabiin, ahli lughah yang tidak menggambarkan unsur asas bagi maudu'. (al-Sattar 1991, Mustaffa Muslim 2007)

Sebagai penjelasan dikemukakan contoh tajuk yang menggambarkan ianya adalah mawdu'i ataupun tidak. Tajuk" Sabar Di Dalam Al-Quran/ Sabar Menurut al-Quran" maka isunya hendaklah terikat dengan al-Quran, dan sunnah menjadi penjelasan kepada makna-makna ayat-ayat al-Quran. Jika tajuknya pula ialah " Sabar Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah" maka isunya terikat dengan al-Quran dan al-Sunnah, dan jika tajuknya ialah " Sabar Menurut Islam" maka isunya boleh bersumberkan sejarah, falsafah, mazhab pemikiran dan sebagainya (Mustaffa Muslim 2007). Pengkaji boleh menggunakan hadis yang relevan dengan topik tanpa memperpanjangkan huraian mengenai hadis-hadis yang digunakan (Al-Farmawi 1983 ; Sattar 1991) serta menggunakan riwayat-riwayat hadis yang sahih dalam menjelaskan makna ayat (al-Khalidi 2008)

Para mufassir tidak boleh memasukkan ke dalam tafsir mawdu'i pandangan mazhab-mazhab dan pendapat peribadi. Konsep tafsir mawdu'i adalah menganalisis dan menghuraikan perbahasan yang tertumpu kepada prinsip dan usul al-Quran (Kaltsum 2011, Yamani 2015) . Maka tafsiran yang dilakukan hendaklah tidak dipengaruhi oleh pandangan peribadi dan pengaruh mazhab. (Abd Sattar 1991; Al-Khalidi 2008). Para mufassir hendaklah memberikan tumpuan pentafsiran kepada maqasid utama al-Quran dan tujuan ayat-ayat al-Quran disampaikan kepada manusia iaitu untuk memberikan hidayah. Seorang pengkaji mestilah membersihkan pemikiran daripada isu-isu lampau supaya hasil pentafsiran tidak cenderung atau dipengaruhi oleh mana-mana fahaman. (Al-Daghamin 1995). Syarat ini pada hakikatnya bukan sahaja kepada mufassir mawdu'i bahkan kepada semua mufassir secara am.

Selain itu para mufassir hendaklah memelihara keistimewaan (*khasais*) al-Quran ketika mentafsirkan al-Quran secara mawdu'i. Para mufassir dan pengkaji al-Quran sudah memahami dengan jelas bahawa al-Quran adalah kalam Allah yang tidak bercampur dengan kalam yang lain. Oleh itu sesiapa yang hendak membincangkan atau membahaskan tafsiran al-Quran hendaklah menjaga keistimewaanya.

Syarat ini menjadi lebih khusus bagi mufassir mawdu'i kerana menurut Abd al-Sattar (1991) tafsir mawdu'i menekankan aspek kesatuan dan pengumpulan bukan aspek tunggal. Penelitian dan huraian yang menyeluruh akan lebih menjelaskan kedalaman isu dan tidak menyebabkan para mufassir tergelincir daripada penjelasan topik atau isu utama. Abd Al-Sattar (1991) mengemukakan beberapa *khasais* al-Quran. *Khasais* tersebut ialah al-Quran ialah asal dan usul secara keseluruhannya, al-Quran ialah fokus utama dalam bab hukum dan keyakinan, al-Quran ialah kitab hidayah dan al-Quran ialah lisannya dalam bahasa arab bukan pada sifatnya.

Tambahan daripada syarat yang telah dikemukakan para mufassir hendaklah memahami ilmu-ilmu pengetahuan moden seperti sosiologi, politik, ekonomi, psikologi, teknologi dan sebagainya (Abd al-Sattar 1991). Ini bertujuan untuk menjadikan perbahasan topik atau perbincangan lebih bersifat kontemporari dan sesuai dengan realiti masyarakat.

Syarat-syarat pentafsiran al-Quran secara mawdu'i ditetapkan oleh ulama bertujuan untuk memberikan panduan kepada mufassir mawdu'i membuat tafsiran yang berbeza dengan kaedah tafsir yang lain seperti tahlili dan ijmali. Syarat utama bagi tafsir mawdu'i

ialah terletak pada penentuan tema, pengumpulan ayat serta perbahasan yang hanya tertumpu kepada tema yang dipilih sahaja.

4. Kesimpulan

Sebahagian para ulama tafsir mawdu'i (al-Farmawi, al-Ghazali dan al-Daghamin) mengklasifikasikan tafsir mawdu'i kepada dua bahagian iaitu tafsir mawdu'i bagi tema dan surah. Manakala sebahagian ulama lain menambah satu lagi jenis iaitu tafsir mawdu'i bagi lafaz (Muslim, al-Daghamin). Perbezaan klasifikasi ini adalah kerana ulama yang berpendapat tafsir mawdu'i jenis lafaz adalah sama dengan tafsir mawdu'i bagi tema dan sebaliknya ulama yang lain berpendapat kedua jenis tafsir mawdu'i ini adalah berbeza.

Para ulama tafsir mawdu'i juga menetapkan syarat-syarat tertentu bagi mufassir mawdu'i. Syarat-syarat ini sekiranya dapat ditepati oleh pengkaji atau penulis karya tafsir mawdu'i akan menghasilkan penulisan tafsir mawdu'i yang lebih sempurna dan mendalam.

5. Rujukan

Abbas 'Audullah Abbas. 2007. Muhadarat fi al-Tafsir al-Mawdu'i. Damsyik: Dar al-Fikr.

Abdul Hayy al-Farmawi. 1983. *Metode Tafsir maudu'i dan Cara Penerapannya*. Terj Drs. Rosihon Anwar. Fajar Ilmu Baru: Kuala Lumpur.

Abdullah, Azis. 2017. Metodologi Penelitian, Corak Dan Pendekatan Tafsir Al Qur'an. *Journal Al-Manar* no. 6 (1).

Ahmad Sayyid al-Kummi & Muhammad Ahmad Yusuf al-Qasim. 1982. *Al-Tafsir al-Maudu'i li al-Quran al-Karim*. Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah: Kaherah.

Al-Rumi, Fahd Ibn Abd al-Rahman ibn Sulaiman. 1998. Buhuth fi Usul al-Tafsri wa manahijuh. Riyadh: Maktabah al-Taubah.

Junaedi, Didi. 2016. Mengenal Lebih Dekat Metode Tafsir Maudlu'i. *Diya Al-Afkar: Jurnal Studi al-Quran dan al-Hadis* no. 4 (01).

Kaltsum, Lilik Ummi. 2011. "Studi Kritis atas Metode Tafsir Tematis al-Quran." *ISLAMICA: Jurnal Studi Keislaman* no. 5 (2). 354-366.

Mustafa Muslim. 2007. *Mabahith fi al-Tafsir al-Maudu'i*. Dar al-Qalam: Damsyik.

Quraish Shihab. 2013. Kaidah Tafsir. Tangerang: Lentera Hati.

Sa'id, Abd al-Sattar Fathullah. 1991. Al-Madkhal ila al-Tafsir al-Maudu'i. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.

Solah Abd al-Fatttah al-Khalidi. 2008. *Al-Tafsir al-Maudu'i: Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. Dar Al-Nafais: Jordan.

Wardatun Nadhiroh. 2014. Hermeneutika Al-Qur'an Muhammad Al-Ghazali (Telaah Metodologis atas Kitab Nahwa Tafsir Maudhu'i li Suwar al-Qur'an al-Karim). *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu al-Qur'an dan Hadis*, Vol. 15, No. 2, Juli 2014. 238-253.

Yamani, Moh. Tulus. 2015. Memahami Al-Qur'an Dengan Metode Tafsir Maudhu'i. *J-PAI* no. Vol. 1 (No. 2 Januari-Juni 2015). 273-290.

Ziyad Khalil Muhammad al-Daghamin. 1995. *Manhajiyatul Bahthi fi al-Tafsir al-Maudu'i li al-Quran al-Karim*. Dar al-Basyir: Jordan.